# Hala Tuju BIDANG KAUNSELING di Malaysia

# Hala Tuju BIDANG KAUNSELING di Malaysia

Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2011

**© Jabatan Pengajian Tinggi**
**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2011**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hala tuju bidang kaunseling di Malaysia / disediakan oleh Jabatan
Pengajian Tinggi
Bibliografi: ms. 66
ISBN 978-983-3663-99-6
1. Counseling--Vocational guidance. 2. Counseling--Malaysia. I.
Malaysia.
Kementerian Pengajian Tinggi
158.3

Rupa Taip Teks : Adobe Garamond Pro
Saiz Taip Teks: 11.5/15 poin

Reka Bentuk, Reka Letak dan Urus Cetak:
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan

Laporan ini diterbitkan untuk
Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia oleh
Penerbit Universiti Putra Malaysia

# KANDUNGAN


Prakata ix
Penghargaan xi
Ringkasan Eksekutif Laporan Hala Tuju Bidang Kaunseling xiii

1. PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KAUNSELOR DI MALAYSIA 1
   1.1. PENDAHULUAN 1
   1.2. PENDIDIKAN KAUNSELOR 2
   1.3. PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KAUNSELING 3

2. KAJIAN HALA TUJU 8
   2.1 OBJEKTIF 8
   2.2 RASIONAL 9
   2.3 METOD KAJIAN 9
   2.4 LIMITASI KAJIAN 10

3. KURIKULUM LATIHAN KAUNSELING 10
   3.1. KURIKULUM 10
   3.2. ISU 18
   3.3. CADANGAN 18

4. MODAL INSAN 20
   4.1. ENROLMEN PELAJAR MENGIKUTI INSTITUSI 20
   4.2. ISU 22
   4.3. CADANGAN 23

5. KERJASAMA ANTARA IPT 24
   5.1. HUBUNGAN ANTARA IPT 24
   5.2. ISU 25
   5.3. CADANGAN 26

6. KERJASAMA DENGAN INDUSTRI/ORGANISASI 27
6.1 KERJASAMA INDUSTRI/ORGANISASI 27
6.2 ISU 27
6.3 CADANGAN 28

7. ISU DAN CABARAN DALAM PENGAMALAN KAUNSELING 32
7.1 LALUAN KERJAYA DALAM KAUNSELING 32
7.2 PENGALAMAN UNTUK AMALAN PERSENDIRIAN 32
7.3 ISU PERANAN GURU KAUNSELING DALAM PENGAJARAN 32
7.4 PENGAMBILAN PELAJAR MELALUI SARINGAN 33
7.5 KEMUDAHAN MAKMAL TERHAD (TERDAPAT KEKURANGAN) 33
7.6 MAKMAL PENGUJIAN PSIKOLOGI: MASALAH RUANG DAN KEWANGAN UNTUK PEMBELIAN INSTRUMEN 33
7.7 TIADA PENYELARASAN DAN PERBINCANGAN DI ANTARA PIHAK KPT DENGAN LEMBAGA KAUNSELOR 34

8. KESIMPULAN 34

LAMPIRAN
LAMPIRAN A 37
LAMPIRAN B 38
LAMPIRAN C 41
LAMPIRAN D 44

RUJUKAN 66

# SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Universiti dan Ijazah yang Dianugerahkan | 12 |
| Jadual 2 | Komponen Kurikulum Kaunseling dan Contoh-contoh Kursus | 14 |
| Jadual 3 | Enrolmen Pelajar Mengikuti Institusi Sesi Pengajian 2011/2012 | 20 |
| Jadual 4 | Bilangan Tenaga Akademik Mengikut Jawatan | 21 |

## PRAKATA

Dokumen Hala Tuju Bidang Kaunseling ini merupakan hasil kajian hala tuju bidang kaunseling yang telah dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Kajian Hala Tuju ini telah mula dilaksanakan pada bulan Mei 2010. Dokumen ini merupakan dapatan kajian hala tuju yang memuatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan pendidikan kaunselor di Malaysia, Kurikulum Latihan Kaunseling, Pembangunan Modal Insan dalam bidang kaunseling, Kerjasama antara IPT dan Industri serta isu-isu dalam pengamalan kaunseling di Malaysia. Pengumpulan data telah dilaksanakan melalui kaedah gabungan antara kajian tinjauan, perbincangan meja bulat dan temuduga kumpulan berfokus.

Data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti pendidik kaunseling, pelajar ijazah pertama dan pasca siswazah dalam kaunseling, pengamal kaunseling dan majikan yang mempunyai pekerja berjawatan kaunselor telah dianalisis oleh sekumpulan penyelidik yang berkemahiran dan berpengalaman luas. Sesi persidangan meja bulat dan sumbang saran telah diadakan dalam beberapa siri bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini. Isu-isu dan cadangan untuk menangani isu yang dikemukakan telah disediakan untuk rujukan KPT dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dalam bidang kaunseling ini.

Dengan penerbitan dokumen ini, maka sebahagian besar dari terma rujukan pasukan bertindak pendidikan bidang kaunseling JPT adalah tercapai. Penerbitan dokumen pertama ini merupakan sebuah permulaan untuk memacu dan memperkasakan pendidikan kaunseling di IPT di Malaysia. Pasukan penyelidik ini juga sedang berusaha untuk menghasilkan penerbitan dokumen kedua hala tuju kaunseling di Malaysia dengan memuatkan komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran, penerbitan, penyelidikan, perundingan dalam bidang kaunseling serta kajian impak perkhidmatan kaunseling kepada pembangunan Negara. Pihak pasukan penyelidik ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Pengajian Tinggi, KPT di atas kepercayaan dan sumbangan geran penyelidikan untuk merealisasikan penerbitan dokumen ini.

**Profesor Dr. Rohany Nasir**
Pengerusi, Pasukan Petugas Hala Tuju Kaunseling
Jabatan Pengajian Tinggi

## PENGHARGAAN

Penerbitan dokumen Hala Tuju Kaunseling ini adalah hasil daripada pelbagai usaha pemerolehan data dan maklumat yang telah dilaksanakan melalui siri kajian tinjauan, temuduga berfokus, perbincangan meja bulat, sesi sumbang saran, bengkel antara pengkaji serta dapatan maklumat lanjutan. Penghargaan terima kasih di atas sumbangan yang tidak ternilai diberikan kepada :

a. Pasukan Petugas Hala Tuju Kaunseling
   - Prof. Dr. Rohany Nasir – UKM ( Ketua Penyelidik dan Pengerusi Pasukan Petugas)
   - Prof. Madya Dr. Rusnani Abdul Kadir - UPM
   - Prof. Madya Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin - USIM
   - Prof. Dr. Nik Ahmad Hisham Ismail - UIA
   - Prof. Madya Dr. Mohamed Sharif Mustaffa - UTM
   - Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak - UUM
   - Dr. Nor Shafrin Ahmad - USM
   - Dr. Mohamad Nasir Bistamam - UPSI
   - Dr. Ahmad Jazimin Jusoh - UPSI
   - Dr. Zakaria Mohamad - UMT
   - Dr. Melati Sumari -UM
   - En. Edris Adin – UNIMAS
   - Prof. Dr. Mohd Shuaib Che Din – UMS

Urusetia : Atini binti Alias

b. Semua IPTA yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan maklumat kurikulum dan pengajaran
c. Majikan-majikan yang mempunyai pekerja berjawatan kaunselor
d. Pengamal-pengamal kaunseling
e. Pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Kaunseling daripada IPT yang terlibat serta lain-lain penyumbang data yang telah membantu melengkapkan maklumat yang diperlukan dalam menyediakan hala tuju kaunseling.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## 1 PENGENALAN

Perkhidmatan kaunseling memainkan peranan utama dalam membangunkan potensi modal insan melalui program dan pendekatan psikologi dan kaunseling. Selaras dengan hasrat ini, maka Kementerian Pengajian Tinggi melalui IPT telah dan akan berusaha untuk melahirkan graduan berkualiti dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Dalam hal ini program kaunseling telah ditawarkan di pelbagai IPT awam dan swasta. Maklumat berkaitan program kaunseling yang ditawarkan di setiap IPT ini perlulah terkini dan sistematik bagi dijadikan rujukan tentang kurikulum pengajian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan bidang kaunseling di Malaysia. Tiadanya pangkalan data yang khusus tentang maklumat sumber manusia yang melibatkan direktori kepakaran pensyarah dalam bidang kaunseling termasuk bahan-bahan terbitan dalam bidang kaunseling yang dihasilkan oleh setiap IPT menyebabkan maklumat berkaitan tidak sampai kepada sasaran sepatutnya. Dalam keadaan ini maka data sebenar tidak diperoleh secara lengkap dan terperinci bagi dijadikan rujukan intensif untuk semua individu memerlukan. Dalam hal ini, usaha dilakukan bagi menyediakan dokumen hala tuju bidang kaunseling di Malaysia. Ia diharap dapat menjadi sumber rujukan utama bagi Kementerian Pengajian Tinggi dan semua Institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

## 2 OBJEKTIF

Objektif kajian ini seperti berikut:

2.1 Menyediakan maklumat terkini aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPTA dan IPTS.

2.2 Menyediakan pangkalan data sumber manusia dalam bidang kaunseling.

2.3 Mencadangkan pindaan dan perubahan kurikulum bidang kaunseling, bentuk latihan, pembangunan pendidikan dan kemahiran dalam bidang kaunseling.

2.4 Mencadangkan pelan pembangunan tenaga pengajar bidang kaunseling di IPTA.

2.5 Mencadangkan bentuk pogram kerja sama antara IPT (IPTA dan IPTS) bagi tujuan perkongsian kemudahan, sumber dan kepakaran.

2.6 Mencadangkan bentuk hubungan kerja sama antara IPT dengan pihak industri khususnya dalam R&D serta latihan industri.

## 3 RASIONAL

3.1 Maklumat terkini bidang kaunseling di Malaysia sangat diperlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai sumber rujukan utama bagi IPT.

3.2 Maklumat lengkap mengenai bidang kaunseling di Malaysia perlu didokumentasikan untuk digunakan oleh KPT.

3.3 Maklumat yang diperoleh hasil kajian ini akan menjadi panduan asas kepada hala tuju program bidang kaunseling di IPTA dan IPTS di negara ini.

3.4 Hasil kajian ini diperlukan bagi menjadi asas kepada penawaran dan bentuk program pengajian kaunseling yang mampu memenuhi keperluan negara masa kini.

3.5 Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada kelulusan akademik dan kepakaran tenaga pengajar program kaunseling di IPTA dan IPTS.

3.6 Hasil kajian ini secara langsung amat berguna untuk dijadikan rujukan utama dalam membantu perkembangan bidang kaunseling, pembangunan kerjaya pensyarah kaunseling dan pembangunan keprofesionalan pengamal kaunseling.

# 4 PENDIDIKAN KAUNSELOR & PERKHIDMATAN KAUNSELING

## 4.1 Pendidikan Kaunselor

Pendidikan kaunselor adalah daripada pelbagai latar belakang ilmu kaunseling dan psikologi. Di Malaysia, institusi yang menawarkan program kaunseling pada peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran adalah seperti di UKM, UPM, UPSI, USM, UM, UTM, UUM, UMS, UNIMAS, UMT dan USIM dan HELP University College.

## 4.2 Perkembangan Perkhidmatan

Perkhidmatan kaunseling pada awal perkembangannya dimulakan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi awam, iaitu di sekitar akhir tahun 1960 an. Pada tahun-tahun 1990 an perkhidmatan ini telah mula ditawarkan di sektor bukan pendidikan seperti di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kini, perkhidmatan kaunseling telah diiktiraf sebagai satu profesion dan setiap kaunselor yang ingin memberi khidmat perlu mendaftarkan diri dengan Lembaga Kaunselor serta mempunyai Sijil Perakuan Amalan (Akta 580, Akta Kaunselor 1998).

# 5 AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPTA

## 5.1 IPTA yang Menawarkan Program

Terdapat 10 buah IPTA yang menawarkan program kaunseling Sarjana Muda (UPM, UPSI, UM, UIAM, UUM, USIM, UMS, UMT, UNIMAS, UNISZA) manakala terdapat 11 buah IPTA menawarkan program Ijazah Sarjana Kaunseling (UPM, UKM, UPSI, UM, UTM, UIAM, UUM, USIM, UMS, USM, UMT) dan 10 buah IPTA menawarkan program Doktor Falsafah kaunseling (UPM, UKM, UPSI, UM, UTM, UIAM, UUM, USIM, UMS, UMT).

## 5.2 Mod Pengajaran

Di peringkat pengajian Ijazah Sarjana, program yang ditawarkan oleh semua universiti adalah secara mod kerja kursus kecuali UUM dan UPSI yang menawarkan mod program secara kerja kursus dan penyelidikan dan UMT yang menawarkan mod program secara penyelidikan sahaja. Bagi program Doktor Falsafah kaunseling yang ditawarkan oleh semua universiti, mod program adalah secara penyelidikan sahaja.

## 5.3 Nama Ijazah

Nama ijazah kaunseling yang dianugerahkan diperingkat Sarjana Muda oleh semua institusi yang berkaitan adalah sedikit berbeza. Sebagai contoh, Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kaunseling) dan Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling. Manakala nama ijazah kaunseling di peringkat Sarjana juga terdapat sedikit perbezaan. Sebagai contoh Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Ijazah Sarjana Kaunseling, Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling dan Ijazah Sarjana Sains Bimbingan dan Kaunseling.

## 5.4 Kurikulum

Secara asasnya kurikulum yang digunapakai oleh semua IPTA yang menawarkan program kaunseling memfokuskan kepada empat komponen utama iaitu pengetahuan, kemahiran, penyelidikan dan penaksiran dan kursus tumpuan. Bagi komponen kursus tumpuan, setiap IPTA mempunyai penekanan kursus tersendiri.

## 5.5 Kaedah Penyampaian

Kaedah penyampaian bagi pengajaran dan pembelajaran bagi semua universiti adalah secara bersemuka sepenuhnya dalam bentuk kuliah dan latihan amali. Bagi proses pengajaran dan pembelajaran pula, semua institusi secara umumnya mempunyai kelengkapan prasarana yang sesuai dan mencukupi.

## 5.6 Latihan *Internship*

Bagi latihan *internship*, tempoh perlaksanaannya adalah selama 1 semester pengajian dan ia mengandungi 200 jam hingga 250 jam sesi kaunseling (jam pertemuan). Bagi *internship* kaunseling pula, ia dilaksanakan di organisasi luar dalam tempoh 14 hingga 24 minggu dengan jam pertemuan selama 480 jam hingga 800 jam. Pelajar dinilai dari aspek pengurusan, sistem fail, kaunseling individu, kelompok, pentaksiran psikologi dan program perkembangan.

## 5.7 Cadangan

Bagi memantapkan pembangunan profesionalisme pelajar kaunseling beberapa penambahbaikan kurikulum dilihat sabagai mampu menyumbang kepada perkembangan ini. Antara kursus-kursus yang dicadangkan ialah:

5.7.1 Setiap IPT yang menawarkan program pengajian bidang kaunseling perlu memberi keutamaan kepada keperluan penawaran kursus-kursus teras kaunseling serta kursus.

5.7.2 Penamaan program pengajian sarjana perlulah disemak semula dan semakan ini mestilah ke arah memandu pelajar mengikuti program pengajian yang sesuai dan dikehendaki olehnya.

5.7.3 Setiap IPT yang menawarkan program pengajian peringkat Sarjana perlulah memikirkan penawaran program pengajian secara pengkhususan sesuai dengan kepakaran yang ada serta tuntutan pemegang taruh semasa.

5.7.4 Bagi mengelak pertindihan kursus, program sarjana kaunseling perlu mempunyai kurikulum yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza.

5.7.5 IPT perlu membuat perancangan awal serta peruntukan wang bagi aktiviti pembelajaran langsung seperti kem kaunseling dan lain-lain.

5.7.6 Penyelidikan yang dijalankan perlulah bersifat saintifik dan tajuk-tajuk penyelidikan mestilah berkaitan dengan kaunseling.

5.7.7 Kurikulum perlu mempunyai elemen yang menggalakkan pelajar untuk mengafiliasikan dirinya dengan badan profesional dalam bidang kaunseling.

## 6 MODAL INSAN

Bidang kaunseling adalah satu bidang yang amat mencabar dan sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan serta isu semasa di peringkat negara serta global. Oleh itu seorang pensyarah dalam bidang ini perlu sentiasa peka dengan perkembangan dan cabaran semasa. Yang paling penting ialah pensyarah perlu tahu teknik serta strategi yang perlu digunakan apabila berhadapan dengan situasi-situasi yang berbeza. Oleh itu dicadangkan:

6.1 IPT Memberi Galakan Menghadiri Bengkel dan Persidangan berbentuk kemahiran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kaunseling.

6.2 Pengiktirafan Universiti Terhadap Kerja-kerja Kaunseling.

6.3 Peluang Sangkutan (attachment) kepada Organisasi Profesional Kaunseling.

6.4 Beban penyeliaan *internship* perlu diambilkira oleh IPT sebagai beban pengajaran sebagaimana pengiraan dilakukan terhadap penyeliaan tesis.

## 7 KERJASAMA ANTARA IPT

Bagi kepentingan perkembangan bidang ini, pelajar dan pengamal kaunseling serta keefisyenan dan keberkesan sumbangan bidang dan pensyarah kaunseling kepada negara, kerjasama antara IPT yang menawarkan program kaunseling amat diperlukan. Satu bentuk kerjasama secara formal di antara IPT amat diperlukan untuk kepentingan penyelidikan, pengajaran, penerbitan, kemudahan pengajaran serta memberi peluang untuk mobiliti pelajar. Oleh itu dicadangkan:

7.1 Kerjasama serta persefahaman antara IPT diperlukan supaya satu ‘pool’ kepakaran boleh digunakan untuk tujuan kajian.

7.2 Kerjasama ini membolehkan kesemua IPT mendapat manafaat dari segi pengajaran daripada kepakaran dan pengalaman yang ada di dalam negara.

7.3 Kerjasama untuk meningkatkan penerbitan.

7.4 Perkonigsian di antara IPT akan memberi peluang penggunaan kemudahan oleh ramai pelajar.

7.5 Perkongsian tenaga pengajar untuk penyeliaan praktikum.

7.6 Kebiasaannya IPT terpaksa menyediakan banyak perbelanjaan untuk mendapatkan seseorang Profesor Pelawat. Perkongsiaan Profesor Pelawat bukan hanya menjimatkan wang tetapi juga manfaat kepakaran boleh dikongsi bersama.

7.7 Program mobiliti pelajar akan membolehkan kepelbagaian pengalaman pelajar di samping memberi nilai tambah kepada pembangunan kendiri pelajar.

## 8 KERJASAMA DENGAN INDUSTRI/ORGANISASI

Tiada kerjasama secara formal di antara IPT dengan pihak industri dan organisasi. Kerjasama antara kedua pihak amat baik untuk kepentingan bersama. Industri/ organisasi boleh mendapat manafaat dari kepakaran di IPTA serta khidmat yang boleh diberikan oleh pelatih dan juga pengajar kaunseling. Pada masa sama hubungan ini memudahkan *internship* pelajar, kajian pelajar di industri/organisasi dan kajian pensyarah. Dengan itu dicadangkan:

8.1 Industri/organisasi memberi peluang untuk kaunselor pelatih menjalankan *internship.*

8.2 Industri/organisasi membenarkan kajian untuk pelajar.

8.3 Membenarkan serta menggunakan kepakaran pensyarah untuk mengkaji masalah dan organisasi/industri mereka.

8.4 Bersedia merujuk klien kepada kaunselor pelatih.

8.5 Industri memanfaatkan kepakaran pensyarah kaunseling.

## 9 ISU-ISU & CABARAN DALAM PENGAMALAN KAUNSELING

9.1 Laluan Kerjaya dalam Kaunseling.

9.2 Isu Peranan Guru Kaunseling dalam Pengajaran.

9.3 Pengambilan Pelajar Melalui Saringan.

9.4 Kemudahan Makmal Terhad (terdapat kekurangan).

9.5 Makmal Pengujian Psikologi: Masalah Ruang dan Kewangan untuk Pembelian Instrumen.

9.6 Tiada Penyelarasan dan Perbincangan di antara Pihak KPT dengan Lembaga Kaunselor.

## 10 KESIMPULAN

Oleh kerana perkembangan dan tuntutan semasa, bidang kaunseling kini juga menuntut kepada pengkhususan dalam bidang. Secara keseluruhannya semua IPTA yang menawarkan program pengajian dalam bidang kaunseling mempunyai struktur dan rekabentuk kurikulum yang mantap dan memenuhi keperluan minimum piawai latihan sebagaimana yang disyaratkan oleh Lembaga Kaunselor. Bagi program pasca siswazah pula, semua IPTA juga mempunyai rekabentuk kurikulum yang setara dengan IPTA yang lain.

Bagi aspek pembangunan modal insan, pola pengambilan pelajar semakin meningkat kepada peringkat pengajian sarjana dan permintaan di peringkat ijazah sarjana muda masih menjadi popular terutama bagi program yang mengkhusus kepada pendidikan atau menyediakan kaunselor sekolah. Dari segi kakitangan akademik, bilangan tenaga pengajar yang berjawatan profesor penuh adalah sangat kecil berbanding dengan gred-gred perjawatan yang lain. Kedudukan yang kecil ini juga memberi kesan kepada program latihan peringkat sarjana dan kedoktoran. Hubungan antara IPT dan Industri pula, masih banyak ruang kerjasama yang boleh diterokai samada sesama IPT maupun antara IPT dan industri.

Keperluan kepada bidang kaunseling kini menuntut supaya IPT meneruskan pembangunan profesionalisme program pengajian kaunseling berasaskan saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian hala tuju yang dikemukakan ini.

Dicadangkan Kajian Hala Tuju Kaunseling 2 dijalankan untuk memuatkan maklumat yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran secara terperinci serta isu-isu yang berkaitan dengan penerbitan, penyelidikan, gerakan profesionalisme kaunseling, kajian keperluan tahap latihan mengikut organisasi pekerjaan serta peranan kaunseling dalam menjana kesejahteraan masyarakat.

# HALA TUJU BIDANG KAUNSELING DI MALAYSIA

## 1 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KAUNSELOR DI MALAYSIA

### 1.1 Pendahuluan

Perkhidmatan kaunseling adalah satu cabang psikologi gunaan. Kaunseling adalah sebuah perkhidmatan menolong yang memperkasakan orang yang ditolong untuk berdaya tindak terhadap situasi kehidupan, mengurangkan tekanan emosi, melakukan aktiviti pembangunan diri, mempunyai hubungan antara manusia yang bermakna, dan membuat keputusan yang berkesan.

Di Malaysia, perkhidmatan kaunseling mula diperkenalkan pada tahun 1968 apabila semua sekolah menengah diarah melantik seorang guru yang sesuai untuk menjadi Guru Bimbingan Kerjaya. Atas permintaan daripada pelbagai pihak, Universiti Kebangsaan Malaysia memulakan program Diploma Psikologi (Kaunseling) (kini Diploma Psikologi Kaunseling) pada tahun 1979 bagi memenuhi keperluan latihan kaunseling. Dalam masa yang sama, pada tahun 1980, UPM mula menawarkan pengajian dalam bidang kaunseling dengan penumpuan kepada kaunseling untuk perkhidmatan di sekolah. Seterusnya, universiti-universiti lain di negara ini mula menawarkan program kaunseling mengikut bidang bitara dan penumpuan masing-masing. Sehingga kini, institusi yang menawarkan program kaunseling di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini adalah kerana keupayaan IPTA menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan serta permintaan yang tinggi dalam kalangan pengamal dan bakal pengamal kaunseling. Perkembangan ini juga menuntut kepada pemantapan program latihan serta kerjasama dan perkongsian bijak dalam pembangunan program latihan kaunseling.

Walaupun program kaunseling telah ditawarkan di banyak universiti, maklumat yang terkini tentang kurikulum pengajian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan bidang kaunseling di Malaysia masih tiada. Selain itu tiada pangkalan data yang khusus tentang maklumat sumber manusia yang melibatkan direktori kepakaran pensyarah

dalam bidang kaunseling termasuk bahan-bahan terbitan dalam bidang kaunseling yang dihasilkan oleh setiap IPT. Perkara ini menyebabkan data sebenar tidak dapat diperoleh secara tepat.

Oleh itu penyediaan dokumen hala tuju bidang kaunseling di Malaysia ini akan menjadi sumber rujukan utama bagi KPT dan semua IPTA dan IPTS di negara ini.

## 1.2 Pendidikan Kaunselor

Pendidikan kaunselor atau latihan kaunselor secara formal mula dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada awal tahun 70'an apabila keperluan kaunselor disekolah diberi penekanan (PERKAMA, 2008). Pada ketika itu, latihan kaunselor adalah dalam bentuk latihan jangkamasa pendek. Setelah keperluan di sekolah meningkat, Maktab Perguruan Ilmu Khas mula menawarkan kursus latihan khas kepada guru-guru sekolah bagi menyediakan kaunselor terlatih. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada pelbagai pihak, Universiti Kebangsaan Malaysia memulakan program Diploma Psikologi (Kaunseling) (kini Diploma Psikologi Kaunseling) pada tahun 1979. Latihan yang disediakan oleh UKM disertai oleh kumpulan guru dan juga kakitangan daripada organisasi dengan disokong oleh jabatan-jabatan yang terlibat. Seterusnya Universiti Pertanian Malaysia (1980) kini Universiti Putra Malaysia mula menawarkan program Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan memberi laluan khas kepada guru-guru untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kaunseling. Seterusnya universiti-universiti lain di negara ini mula menawarkan program kaunseling.

Permintaan latihan dalam bidang kaunseling semakin meningkat dalam tahun 2000 akibat cabaran kemodenan dan kemajuan negara serta tuntutan gaya hidup semasa. Bagi memenuhi permintaan ini, banyak IPTA menawarkan program prasiswazah dan siswazah dalam bidang ini. Sehingga kini, institusi yang menawarkan program kaunseling di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran adalah seperti di UKM, UPM, UPSI, USM, UM, UTM, UUM, UMS, UNIMAS, UMT, USIM dan HELP universiti (universiti swasta). Memandangkan program ini ditawarkan oleh banyak IPTA dan juga oleh IPTS maka adalah keperluan kepada kerajaan

atau Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk sebuah piawaian dan penyelarasan program-program kaunseling yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS. Selain dari itu KPT juga perlu mempunyai garis panduan dan petunjuk kepada aras kecekapan dan kemahiran kaunseling yang tersendiri mengikut konteks tempatan pada masa yang sama diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebenarnya, Lembaga Kaunselor telah menyediakan garis panduan kurikulum yang harus disediakan oleh IPT yang ingin menawarkan program pengajian dalam bidang kaunseling (Lihat Lampiran A, B dan C). Sungguhpun begitu, penyelarasan serta penyediaan hala tuju bidang kaunseling oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi amat diperlukan sebagai panduan kepada IPTA yang terlibat.

## 1.3 Perkembangan Perkhidmatan Kaunseling

Banyak pihak hari ini telah mula mempunyai keyakinan dan menaruh harapan kepada kaunselor untuk menangani gejala sosial dan pelbagai masalah manusia dalam pelbagai situasi: keluarga, kerja, pendidikan, pemulihan, komuniti dan lain-lain. Berdasarkan perubahan sosial, politik dan ekonomi negara, kaunseling menjadi suatu perkhidmatan yang diperlukan untuk membantu menjana kesejahteraan manusia.

Kaunseling sebagai suatu bentuk perkhidmatan kemanusiaan telah meletakkan asasnya dalam sistem pendidikan negara sejak awal tahun 1960-an. Kaunseling diperkenalkan di negara ini dengan mengadakan khidmat bimbingan kerjaya di sekolah-sekolah atas kesedaran bahawa pelajar sekolah amat memerlukan bimbingan kerjaya. Pada ketika itu bimbingan dan kaunseling dijalankan oleh guru-guru yang juga guru yang mengajar mata pelajaran di dalam bilik darjah yang telah melalui latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran selama dua minggu. Apabila UKM menawarkan program Diploma Psikologi Kaunseling pada tahun 1979 guru kaunseling dan bimbingan mula dilatih untuk menjalankan kaunseling dan bimbingan secara profesional.

Di peringkat permulaan iaitu selama hampir 30 tahun yang pertama perkhidmatan ini hanya diadakan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi wini telah mula diiktiraf dan diterima keperluannya dan mula ditawarkan

di sektor bukan pendidikan seperti di Jabatan Kebajikan Masyarakat, di Jabatan Agama Islam, di Jabatan Perkhidmatan Awam, di pusat pemulihan, di hospital dan di sektor swasta (Suradi, 2004). Penubuhan Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) yang dianggap menjadi suara kaunseling di Malaysia hanya berlaku pada tahun 1982. Akta Kaunseling 580 yang diperkenalkan oleh Persatuan Kaunseling Malaysia telah diluluskan pada tahun 1998 dan Lembaga Kaunselor dibentuk selepas akta dikuatkuasakan di mana punca kuasanya disandarkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pada hari ini, setiap sekolah menengah disyorkan mempunyai seorang kaunselor bagi setiap 500 orang pelajar. Semenjak 15 Mac 1996, Kementerian Pelajaran telah bersetuju melaksanakan pelantikan kaunselor sepenuh masa di setiap sekolah menengah di negara ini seperti yang diperuntukkan dalam (326)95/ABM 96 (http://www.emoe.gov.my). Setiap sekolah menengah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya seorang kaunselor sepenuh masa. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telah mengadakan perkhidmatan kaunseling pada tahun 1972 dan dikenali sebagai *Counselling Service Unit.* Pada hari ini unit tersebut dikenali sebagai Unit Perkhidmatan Kaunseling (UPK). Walau bagaimanapun kaunselor hanya dilantik pada 1980 bagi setiap MRSM (Amla, Zuria & Salleh, 2006).

Di institusi pengajian tinggi pula, pada akhir 1960-an, Instititut Teknologi MARA adalah institusi pengajian tinggi pertama yang menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pelajarnya. Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia serta institusi pengajian tinggi lain telah mengikut jejak Institut Teknologi MARA mengadakan perkhidmatan kaunseling bagi membantu pelajar yang berhadapan dengan kemusykilan dan permasalahan hidup mereka semasa berada di kampus (Rohany, 2008).

Perkhidmatan kaunseling bukan tertumpu kepada sekolah dan institusi pengajian tinggi sahaja bahkan perkhidmatan ini juga disediakan di sektor awam, sektor swasta, dalam komuniti, industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Tumpuan perkhidmatan ini bukan kepada masalah pelajar sahaja bahkan untuk pemulihan dadah dan akhlak, perkahwinan

dan kekeluargaan (Rohany, 2008). Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan perkhidmatan kaunseling dan kebajikan sejak tahun 1989 dan perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor yang terlatih di peringkat diploma siswazah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh DBKL ketika itu adalah khusus untuk pegawai-pegawai yang bertugas di DBKL sahaja (Laporan Tahunan Jabatan Sumber Manusia, DBKL 1990). Semenjak tahun 2002, DBKL telah meluaskan perkhidmatan kaunselingnya dan menyediakan perkhidmatan Tele-Kaunseling, iaitu khidmat kaunseling yang diberikan melalui telefon kepada warga Kuala Lumpur (Laporan Tahunan Jabatan Sumber Manusia, DBKL 2003).

Bagi memenuhi keperluan kaunseling di sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menubuhkan Unit Psikologi dan Kaunseling pada 1 Januari 1992 dengan dianggotai oleh dua orang pegawai. Dari semasa ke semasa, perkhidmatan psikologi dan kaunseling perkhidmatan awam diperluaskan lagi. Pada tahun 2006 sebanyak lapan kementerian telah mewujudkan jawatan kaunselor. Seterusnya pada tahun 2007 semua kementerian perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kaunselor (http://www.jpa.gov.my/psikologi). Di hospital-hospital kerajaan pula jawatan kaunseling telah dijadikan jawatan sepenuh masa pada awal 1992 dan diaplikasikan sepenuhnya pada tahun 1993 (Abdul Aziz, 2004). Sementara itu pada tahun 1994, Angkatan Tentera Darat Malaysia telah menubuhkan perkhidmatan kaunseling secara *adhoc* di Bahagian Perkhidmatan Kesihatan. Unit Kaunseling di Jabatan Polis DiRaja Malaysia pula telah mula diwujudkan di Cawangan Tatatertib pada Ogos 1996 (Chin, 2004). Pada tahun 1998, Tentera Laut DiRaja Malaysia telah menubuhkan khidmat kaunselingnya (2000:PA TLDM) manakala Tentera Udara DiRaja Malaysia juga dua tahun berikutnya menubuhkan unit yang sama secara *ad hoc* (Minit Mensyuarat Panglima Tentera Udara DiRaja Siri 1/2000, dalam Rohany, 2008).

Perkhidmatan dan pendekatan kaunseling juga digunapakai secara meluas dalam proses rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan seperti pusat rawatan dan pemulihan dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK, 2006) dan Penjara Malaysia, (Mustaqim, 2010). Perkhidmatan kaunseling pemulihan mula diadakan di Pusat Serenti Tampin (Pusat Serenti yang

pertama ditubuhkan) pada tahun 1983. Fokus utama ialah pemulihan penagihan dadah supaya bekas penagih dadah boleh menghapuskan penagihan dan berfungsi secara berkesan di dalam masyarakat. Pada hari ini semua pusat pemulihan dadah di seluruh negara samada dalam bentuk institusi maupun pemulihan dalam komuniti menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada penghuni kliennya. Namun demikian, bagi perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan AADK, sebahagian besar daripada pengamal atau pengendali sesi kaunseling masih belum mendapat latihan sepenuhnya dan pihak AADK sedang berusaha ke arah melatih pegawai-pegawai mereka untuk mendapat latihan profesional sebagai kaunselor dalam bidang pemulihan. Bagi perkhimatan kaunseling di penjara pula, kebanyakkannya dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kaunseling tetapi dilatih sendiri oleh Jabatan Penjara secara dalaman di institut koreksional oleh pegawai-pegawai penjara yang mempunyai kelayakan dalam bidang kaunseling. Pihak penjara kini terus berusaha untuk melatih kakitangannya melalui program berkembar dengan beberapa IPTA seperti UKM, UPM dan UUM. Kini pihak penjara Malaysia menumpukan latihan kaunseling dalam bidang kaunseling koreksional atau Kaunseling Pemulihan (Zain, 2008).

Kaunseling komuniti, sebuah khidmat menolong yang komprehensif melibatkan strategi intervensi dan perkhidmatan yang bertujuan untuk meningkatkan perkembangan personal dan kejahteraan semua individu dan komuniti pula telah diadakan secara meluas oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan LPPKN (Wan Abdul Kader, 2004). Perkhidmatan kaunseling telah turut ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada tahun 1998 untuk keperluan orang ramai di Negeri Sembilan. Perkhidmatan yang dijalankan oleh MAINS dikendalikan sepenuhnya oleh hampir semua kaunselor didaftarkan dengan Lembaga Kaunselor dan terlatih di peringkat sarjana dalam bidang psikologi kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Perkhidmatan kaunseling juga mula mendapat perhatian oleh gerakan-gerakan bukan kerajaan (NGO). Sebagai contoh, Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) mengamalkan program rawatan dan pemulihan dengan memasukkan komponen kaunseling sebagai salah satu dari proses rawatan dan pemulihannya. Pihak PENGASIH amat peka kepada keperluan latihan profesional dan sebagai tindakannya mereka menghantar pegawainya untuk mendapatkan latihan dalam bidang kaunseling. Walau bagaimanapun masih terdapat banyak NGO-NGO yang lain yang masih belum mempunyai kaunselor yang berkelayakan tetapi ditugaskan untuk mengendalikan sesi kaunseling untuk perkhidmatan yang disediakan. Senario ini memerlukan pemantauan dan bimbingan yang lebih teliti agar perkhidmatan kaunseling yang diberikan kepada ahli masyarakat adalah perkhidmatan yang berkualiti dan dalam masa yang sama tidak menjejaskan imej profesyen kaunseling di Malaysia.

Perkhidmatan kaunseling kini telah diiktiraf sebagai satu profesyen dan setiap kaunselor yang ingin memberi khidmat diperlukan mendaftarkan diri dengan Lembaga Kaunselor serta mempunyai Sijil Perakuan Amalan (Akta 580, Akta Kaunselor 1998). Lahirnya Lembaga Kaunselor dan Akta Kaunselor 1998 adalah atas kesedaran bahawa perlunya diwujudkan satu badan dan akta bagi mengawal selia kaunselor di Malaysia (Rohany, 2008).

Di luar negara, struktur pengajian kaunseling dikawal selia oleh badan-badan profesional kauseling seperti  British Association For Counseling (BAC), United Kingdom Council For Psychotherapy; dan Council For Accreditation of Counseling and Related Programs (CACREP), National Board For Certified Counselors (NBCC), American Psychological Association (APA). American Counseling Association (ACA) dan lain-lain. Di Malaysia, Lembaga Kaunselor menjadi rujukan kepada program kaunseling di IPTA/IPTS. Lembaga Kaunselor telah membangunkan Piawai Latihan Kaunselor Malaysia yang berpandukan kepada piawaian CACREP yang diterima sebagai panduan di peringkat antara bangsa. Antara peranan Lembaga Kaunselor Malaysia ialah memastikan kurikulum latihan kaunselor sesuai dalam melahirkan kaunselor yang berkelayakan, profesional serta setara dengan keperluan bidang kaunseling di peringkat

antara bangsa. Kewujudan Akta Kaunselor 1998 (Akta580) telah sedikit sebanyak membantu institusi-institusi pendidikan untuk memurnikan program-program kaunseling baru dan yang sedia ada.

Secara keseluruhannya, perkhidmatan kaunseling kini diadakan bukan hanya oleh institusi/organisasi awam tetapi juga oleh institusi/organisasi swasta dan orang-orang persendirian bagi memenuhi keperluan semasa. Permintaan kepada kaunselor yang terlatih dan bertauliah adalah sangat tinggi. Bagi memenuhi permintaan inilah banyak IPTA menawarkan program pra-siswazah dan siswazah dalam bidang ini. Permintaan tinggi ini juga melamar minat IPTS untuk mula menawarkan program kaunseling. Kini terdapat 2 buah IPTS yang menawarkan program Sarjana Kaunseling iaitu UNIRAZAK dan Kolej Universiti HELP.

# 2 KAJIAN HALA TUJU

## 2.1 Objektif

Bagi memenuhi matlamat penyediaan dokumen hala tuju bidang kaunseling di Malaysia, objektif kajian adalah seperti berikut:

2.1.1 Menyediakan maklumat terkini tentang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPTA dan IPTS.

2.1.2 Menyediakan pangkalan data sumber manusia bidang kaunseling.

2.1.3 Mencadangkan bentuk latihan, pembangunan pendidikan dan kemahiran dalam bidang kaunseling serta pindaan dan perubahan kurikulum bidang kaunseling.

2.1.4 Mencadangkan pelan pembangunan tenaga pengajar bidang kaunseling di IPTA.

2.1.5 Mencadangkan bentuk pogram kerja sama antara IPT (IPTA dan IPTS) bagi tujuan perkongsian kemudahan, sumber dan kepakaran.

2.1.6 Mencadangkan bentuk hubungan kerja sama antara IPT dengan pihak industri khususnya dalam R&D serta latihan industri.

## 2.2 Rasional

2.2.1 Maklumat terkini bidang kaunseling di Malaysia sangat diperlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Hasil kajian ini akan menjadi sumber rujukan utama bagi IPT yang menawarkan Program Kaunseling.

2.2.2 Maklumat lengkap mengenai bidang kaunseling di Malaysia perlu didokumentasikan untuk digunakan oleh KPT, IPT, Lembaga Kaunselor, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga, Polis Di Raja Malaysia, Kementerian Pertahanan, Hospital dan Agensi-agensi Swasta.

2.2.3 Maklumat yang diperoleh hasil kajian ini akan menjadi panduan asas kepada hala tuju program bidang kaunseling di IPTA dan IPTS di negara ini.

2.2.4 Hasil kajian ini diperlukan bagi menjadi asas kepada penawaran dan bentuk program pengajian kaunseling yang mampu memenuhi keperluan Negara masa kini.

2.2.5 Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada kelulusan dan kepakaran tenaga pengajar program kaunseling di IPTA dan IPTS. Dengan secara tidak langsung KPT dapat mengawal aspek keilmuan dan kemahiran yang dipunyai oleh tenaga pengajar yang terlibat dalam program kaunseling.

2.2.6 Hasil kajian ini secara langsung amat berguna untuk dijadikan rujukan utama dalam membantu perkembangan bidang kaunseling, pembangunan kerjaya pensyarah kaunseling dan pembangunan keprofesionalan pengamal kaunseling.

## 2.3 Metod Kajian

Kajian dijalankan menggunakan metod gabungan (mix method) iaitu kajian kuantitatif secara tinjauan (survey), kajian kualitatif yang menggunakan teknik temuduga kumpulan berfokus (focus group) serta perbincangan meja bulat pakar dalam bidang kaunseling daripada IPTA yang menawarkan program kaunseling.

Kajian tinjauan adalah bertujuan untuk mengesan maklumat terkini tentang pengajaran, pembelajaran dan pembangunan bidang kaunseling di Malaysia. Kajian secara temuduga kumpulan berfokus dan perbincangan meja bulat pula bertujuan mengenalpasti bentuk latihan, pembangunan pendidikan dan kemahiran dalam bidang kaunseling di IPT; mengenalpasti bentuk program kerjasama antara IPT (IPTA dan IPTS) bagi tujuan perkongsian kemudahan, sumber dan kepakaran; mengenalpasti bentuk hubungan kerjasama antara IPTA dengan pihak industri dalam bidang R&D, internship (latihan industri bagi pensyarah dan pelajar); mengenalpasti pelan pembangunan tenaga pengajar bidang kaunseling di IPTA dan seterusnya memperkasakan profesion kaunseling di negara ini.

### 2.4 Limitasi Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada program pengajian kaunseling di IPTA yang menawarkan program kaunseling di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Selain itu kajian juga melihat dari segi modal insan iaitu kakitangan akademik yang terlibat dalam pengajaran kursus kaunseling dan keluaran siswazah bidang kaunseling di semua peringkat.

Liputan kajian ini tidak termasuk perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan/ disediakan di mana-mana sekolah/organisasi/swasta dan lain-lain.

## 3 KURIKULUM LATIHAN KAUNSELING

### 3.1 Kurikulum

#### 3.1.1. Institusi yang Menawarkan Program Kaunseling

#### Peringkat Ijazah Sarjana Muda Kaunseling

i. Universiti Putra Malaysia

ii. Universiti Pendidikan Sultan Idris

iii. Universiti Malaya

iv. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

v. Universiti Utara Malaysia

vi. Universiti Sains Islam Malaysia
vii. Universiti Malaysia Sabah
viii. Universiti Malaysia Terengganu
ix. Universiti Malaysia Sarawak
x. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

## Peringkat Pascasiswazah (Ijazah Sarjana)

i. Universiti Putra Malaysia
ii. Universiti Kebangsaan Malaysia
iii. Universiti Pendidikan Sultan Idris*
iv. Universiti Malaya
v. Universiti Teknologi Malaysia
vi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
vii. Universiti Utara Malaysia*
viii. Universiti Sains Islam Malaysia
ix. Universiti Malaysia Sabah
x. Universiti Sains Malaysia
xi. Universiti Malaysia Terengganu**

Semua universiti di atas menawarkan program Ijazah Sarjana dengan Kerja Kursus sahaja.

* Universiti-universiti yang menawarkan program Ijazah Sarjana dengan Kerja Kursus dan Sarjana dengan Penyelidikan.

** Universiti yang menawarkan program Ijazah Sarjana dengan Penyelidikan sahaja.

## Peringkat Pascasiswazah (Kedoktoran)

i. Universiti Putra Malaysia
ii. Universiti Kebangsaan Malaysia
iii. Universiti Pendidikan Sultan Idris
iv. Universiti Malaya

v. Universiti Teknologi Malaysia
vi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
vii. Universiti Utara Malaysia
viii. Universiti Sains Islam Malaysia
ix. Universiti  Malaysia Sabah
x. Universiti Malaysia Terengganu

Semua program pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) ditawarkan oleh semua institusi dalam Mod Penyelidikan sahaja.

### 3.1.2 Nama Ijazah

Pada dasarnya ijazah yang dianugerahkan oleh semua institusi adalah menggambarkan bahawa pengajian itu mengkhusus dalam bidang kaunseling sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana. Antara nama ijazah yang digunapakai pada peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana adalah seperti di bawah.

**Jadual 1** Universiti dan Ijazah yang Dianugerahkan

| Bil | Universiti | Nama Ijazah Peringkat Sarjana Muda | Nama Ijazah Peringkat Sarjana |
|---|---|---|---|
| 1 | Universiti Putra Malaysia (UPM) | Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kauseling | Ijazah Sarjana Sains Bimbingan dan Kaunseling<br>Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling |
| 2 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | Tiada | Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling<br>Ijazah Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling) |
| 3 | Universiti pendidian Sultan Idris (UPSI) | Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan kaunseling | Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | Universiti Sains Malaysia (USM) | Tiada | Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling<br>Ijazah Sarjana Kaunseling |
| 5 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | Bachelor Of Education Guidance and Counselling | Master of Education (Counselling) |
| 6 | Universiti Utara Malaysia (UUM) | Ijazah Sarjana Muda Sains (Kaunseling)<br>Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kaunseling) | Ijazah Sarjana Sains Kaunseling |
| 7 | Universiti Malaya (UM) | Ijazah Sarjana Muda Kaunseling | Ijazah Sarjana Kaunseling |
| 8 | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | Tiada | Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) |
| 8 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) | Ijazah Sarjana Muda Kaunseling | Tiada |
| 9 | Universiti Malaysia Sabah (UMS) | Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling | Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling |
| 10 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian | Ijazah Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)<br>Ijazah Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) |
| 11 | Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) | Ijazah sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian | Tiada |
| 12 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) | Bachelor of Islamic Studies (Usuluddin and Counseling) | Tiada |

### 3.1.3 Komponen Kurikulum

Secara umumnya program kaunseling di IPTA bertujuan untuk memberi pengetahuan dalam bidang ilmu kaunseling, kemahiran khusus kaunseling, keupayaan dalam penyelidikan dan penaksiran psikologi, serta memberi perhatian dalam bidang tumpuan. Dalam masa yang sama kursus-kursus yang ditawarkan juga turut bertujuan untuk pembangunan kendiri pelajar sebagai kaunselor dan tujuan ini adalah terangkum dalam keseluruhan kursus-kursus yang ditawarkan.

Pada dasarnya terdapat EMPAT (4) komponen utama dalam kurikulum pendidikan kaunseling seperti di bawah.

1. Pengetahuan dan Ilmu Kaunseling
   - Kursus-kursus falsafah dan teori dalam bidang kaunseling
2. Kemahiran Khusus Kaunseling
   - Kursus-kursus kemahiran termasuk makmal dan internship
3. Penyelidikan dan Penaksiran Individu
   - Kursus-kursus kaedah penyelidikan, statistik dan penaksiran individu
4. Kursus Tumpuan
   - Kursus-kursus yang ditentukan oleh setiap IPT mengikut penekanan program masing-masing.

**Jadual 2** Komponen Kurikulum Kaunseling dan Contoh-contoh Kursus

| Bil | Komponen Kurikulum | Contoh-contoh Kursus |
|---|---|---|
| 1. | Pengetahuan dan Ilmu Kaunseling | Teori Kaunseling dan Psikoterapi<br>Teori Perkembangan Kerjaya<br>Amalan Profesionalisme Kaunseling<br>Prinsip Bimbingan dan Kaunseling |
| 2. | Kemahiran Khusus Kaunseling | Kaunseling Individu<br>Proses Strategi dan Teknik Kaunseling<br>Kaunseling Kelompok<br>Praktikum Kaunseling |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Penyelidikan dan Penaksiran Individu | Kaedah Penyelidikan Dalam Kaunseling<br>Statistik Gunaan dan Aplikasi Komputer<br>Projek Penyelidikan dalam Kaunseling<br>Ujian dan Pengukuran dalam Kaunseling |
| 4. | Kursus Tumpuan | Kursus-kursus Pendidikan<br>Kursus-kursus Pengurusan dan Organisasi<br>Kaunseling Perkahwinan dan Keluarga<br>Kaunseling Penyalahgunaan Dadah |

### 3.1.4 Kaedah Penyampaian

Kaedah pengajaran dalam kaunseling adalah pada dasarnya dalam bentuk kuliah dan latihan amali. Bagi pendekatan pengajaran berbentuk kuliah, pengajaran memberi tumpuan kepada pengetahuan dalam aspek kefalsafahan, prinsip dan etika, teori-teori dalam kaunseling serta pengurusan manakala pendekatan latihan amali pula menjurus kepada penguasaan kemahiran dalam ilmu kaunseling dengan menggunakan makmal-makmal kaunseling individu dan kelompok. Makmal kaunseling dan makmal pengujian merupakan pra-syarat kepada pengajian disiplin kaunseling dalam menyediakan kaunselor yang kompeten. Tujuannya untuk memastikan pelajar dapat menguasai ilmu kaunseling secara teori dan praktis. Di samping itu, penggunaan makmal untuk penyampaian kursus-kursus kemahiran juga bertujuan memberi peluang pengalaman klinikal kepada pelajar. Satu lagi kaedah penyampaian yang digunakan dalam bidang kaunseling adalah Pembelajaran Melalui Pengalaman Langsung (Experiential Learning). Kursus-kursus dalam program pengajian kaunseling adalah disampaikan secara bersemuka sepenuhnya. Berikut adalah antara aktiviti-aktiviti pembelajaran melalui pengalaman langsung:

a. Tetirah Kaunseling (Counseling Retreat).
b. Program Pembangunan Profesionalisme Kaunseling.
c. Penganjuran Seminar, Bicara Profesional dan Forum Kaunseling.
d. Projek Pendampingan Sosial dan Masyarakat.
e. Program Bersama Klien.

### 3.1.5 Kemudahan Fizikal untuk Pengajaran, Pembelajaran dan Latihan

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kelengkapan berikut disediakan oleh kebanyakan institusi:

i. Bilik Kuliah/Pengajaran
ii. Makmal Kaunseling Individu
iii. Makmal Kaunseling Kelompok

} Mempunyai kemudahan rakaman dan bilik pemerhatian.

iv. Bilik sumber/perpustakaan yang mengandungi koleksi buku, jurnal, bahan elektronik dan kemudahan mengakses maklumat dalam bidang kaunseling, psikologi dan psikoterapi.
v. Bilik Ujian dan Pentaksiran.

### 3.1.6 Latihan Amali atau Praktikum Kaunseling dan Internship

Latihan Amali atau Praktikum bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman klinikal yang diselia. Di samping itu latihan ini juga turut bertujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan profesional semasa pengajian.

Pengalaman klinikal ini merangkumi pengalaman mengendalikan kaunseling dan juga aktiviti berkaitan dengan kaunseling. Pengalaman pengendalian kaunseling pula dibahagikan kepada pengendalian kaunseling individu dan pengendalian kaunseling kelompok. Tempoh Latihan Amali dan Praktikum Kaunseling dijalankan di dalam kampus sepanjang satu semester pengajian (200 hingga 250 jam) yang melibatkan TIGA (3) Jam Kredit dan disempurnakan sebelum *Internship.* Aktiviti-aktiviti latihan amali atau praktikum kaunseling merangkumi aktiviti-aktiviti pengendalian sesi kaunseling individu dan kelompok secara simulasi, secara langsung, secara rakaman, secara perundingan dan secara pelaporan yang terselia oleh pensyarah dan penunjuk ajar yang berkelayakan.

### 3.1.7 *Internship* Kaunseling

*Internship* ialah pengalaman klinikal pasca praktikum yang diselia bertujuan untuk membolehkan pelajar menghalusi, meningkat dan memantapkan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran kaunseling di tempat latihan profesional. Latihan *internship* dilaksanakan di premis atau institusi di mana perkhidmatan kaunseling profesional dijalankan.

Tempoh *Internship* Kaunseling di institusi atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan kaunseling melibatkan syarat-syarat tertentu seperti jumlah jam kredit, jangka masa, jumlah sesi bersemuka, bilangan penyeliaan, kaedah penyeliaan dan bidang-bidang yang diselia seperti perincian berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Jumlah Kredit: | 6 hingga 12 Jam Kredit |
| 2. | Jangka Masa: | 14 hingga 24 minggu (480 jam hingga 800 jam) |
| 3. | Jumlah Sesi Bersemuka: | 120 hingga 150 jam sesi bersemuka (Kaunseling Individu dan Kaunseling Kelompok) |
| 4. | Bilangan Penyeliaan: | Sekurang-kurangnya DUA (2) kali penyeliaan oleh Penyelia Utama dan EMPAT (4) kali penyeliaan oleh Penyelia Lapangan. |
| 5. | Kaedah Penyeliaan: | Penyeliaan secara bersemuka oleh Penyelia Utama dan Penyelia Lapangan, rakaman sesi kaunseling dan kajian kes. |
| 6. | Bidang-bidang: | Pengurusan dan pentadbiran, sistem fail, kaunseling individu, kaunseling kelompok, pentaksiran psikologi, program pencegahan dan perkembangan |

## 3.2 ISU

3.2.1 Perlu penambahbaikan kepada kandungan kurikukulum bagi mempertingkatkan tahap kecekapan kaunselor dari segi kemahiran kaunseling.

3.2.2 Penawaran kursus-kursus kaunseling di peringkat sarjana muda tersekat oleh kerana adanya keperluan kursus wajib universiti dan fakulti serta polisi-polisi baharu.

3.2.3 Penamaan program pengajian peringkat sarjana perlu menggambarkan kedudukan sebenar di pasaran kerjaya (Misalnya: Sarjana Sains Kaunseling dan Sarjana Pendidikan Kaunseling).

3.2.4 Kebanyakan program sarjana kaunseling yang ditawarkan di IPT merupakan program umum kaunseling, bukan pengkhususan. Sementara pasaran kerja dan tuntutan pemegang taruh memerlukan khidmat kaunselor pakar.

3.2.5 Pertindihan latihan bagi beberapa kursus di peringkat Sarjana untuk pelajar yang memiliki Ijazah Pertama dalam Kaunseling.

3.2.6 Kekangan kewangan menghalang pelajar untuk mengalami proses pembelajaran secara langsung seperti yang dapat mereka peroleh melalui kem kaunseling, tetirah dan aktiviti luar yang lain.

3.2.7 Penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar kaunseling ada kalanya tidak bersifat saintifik dan tajuk-tajuk penyelidikan kurang kaitan dengan bidang kaunseling.

3.2.8 Kurikulum tidak banyak mempunyai elemen yang menggalakkan pelajar untuk afiliasi diri dengan badan profesional.

## 3.3 CADANGAN

Bagi memantapkan pembangunan profesionalisme pelajar kaunseling beberapa penambahbaikan kurikulum dilihat sebagai mampu menyumbang kepada perkembangan ini.

3.3.1 Setiap IPT yang menawarkan program pengajian bidang kaunseling perlu memberi keutamaan kepada keperluan penawaran kursus-kursus teras kaunseling.

3.3.2 Penamaan program pengajian sarjana perlulah disemak semula dan semakan ini mestilah ke arah memandu pelajar mengikuti program pengajian yang sesuai dan dikehendaki olehnya. Sebagai contoh, Program Sarjana Pendidikan Kaunseling tidak membolehkan graduan ini mendapatkan pekerjaan sebagai seorang kaunselor di sekolah tetapi kebanyakan calon ke program ini tidak memahami akan perkara ini. Program Sarjana Pendidikan tidak boleh ditawarkan sebaliknya penawaran program pengajian menggunakan nama seperti Sarjana Kaunseling, Sarjana Sains Kaunseling atau sarjana secara pengkhususan seperti Sarjana Kaunseling Keluarga.

3.3.3 Setiap IPT yang menawarkan program pengajian peringkat Sarjana perlulah memikirkan penawaran program pengajian secara pengkhususan sesuai dengan kepakaran yang ada serta tuntutan pemegang taruh semasa. Antara contoh-contoh program pengkhususan ialah Sarjana Kaunseling Sekolah, Komuniti, Keluarga dan Kerjaya.

3.3.4 Pertindihan kursus yang menyumbang kepada pengulangan pembelajaran berlaku dalam kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling yang mengikuti program Sarjana Kaunseling. Oleh yang demikian, program sarjana kaunseling perlu mempunyai kurikulum yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza.

3.3.5 IPT perlu membuat perancangan awal bagi aktiviti pembelajaran langsung seperti kem kaunseling dan lain-lain. Pihak IPT juga perlu bersedia memperuntukkan wang untuk keperluan ini.

3.3.6 Penyelidikan yang dijalankan perlulah bersifat saintifik dan tajuk-tajuk penyelidikan mestilah berkaitan dengan kaunseling.

3.3.7 Kurikulum perlu mempunyai elemen yang menggalakkan pelajar untuk mengafiliasikan dirinya dengan badan profesional dalam bidang kaunseling. Ini sangat penting bagi meluaskan pengalaman pelajar serta memberi peluang melebarkan jaringan profesional pelajar.

# 4 MODAL INSAN

Bahagian ini membincangkan modal insan dalam kaunseling di Malaysia. Terdapat dua bahagian, iaitu enrolmen pelajar dan tenaga akademik.

## 4.1 Enrolmen Pelajar Mengikut Institusi

**Jadual 3** Enrolmen Pelajar Mengikut Institusi Sesi Pengajian 2011/2012

| Bil | Universiti | Pelajar | | |
|---|---|---|---|---|
| | | PhD | Sarjana | PraSiswazah |
| 1 | UKM - FSSK<br>UKM - FPEND | 35<br>30 | 50<br>48 | Tiada |
| 2 | USM | 17 | 49 | Tiada |
| 3 | UTM | 30 | 92 | Tiada |
| 4 | UM | 20 | 72 | 161 |
| 5 | UPM | 33 | 125 | 119* |
| 6 | UUM | 25 | 155 | 340* |
| 7 | UMT | 3 | 8 | 363 |
| 8 | USIM | 7 | 24 | 195 |
| 9 | UNIMAS** | Tiada | Tiada | Tiada |
| 10 | UMS | 5 | 53 | 338 |
| 11 | UPSI | 16 | 85 | 310* |
| 12 | UIA | 7 | 23 | 138* |

* Menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

**Kemasukan pelajar ditangguh kepada sesi 2011/2012.

Berdasarkan jadual di atas, sebahagian besar institusi mempunyai pelajar program peringkat pasca siswazah. Namun demikian beberapa institusi (UKM, USM dan UTM) tidak mempunyai pelajar peringkat pra siswazah. Institusi yang mempunyai enrolmen yang besar pada peringkat pengajian pra siswazah (UUM, UPM, UPSI dan UIA) adalah menawarkan program pendidikan dan kaunseling. Program Ijazah Kaunseling dengan Pendidikan mendominasikan keseluruhan program kaunseling di negara ini.

Pelajar program pengajian peringkat sarjana banyak tertumpu di institusi yang lebih terkemuka seperti UKM, UPM dan UM memandangkan sebahagian besar tenaga akademik yang berpengalaman dalam bidang kaunseling berada di institusi-institusi berkenaan. Institusi-institusi yang baru (UMT, UUM, UPSI, UMS) mempunyai bilangan pelajar yang lebih ramai pada peringkat pengajian pra siswazah.

### 4.1.2 Bilangan Tenaga Akademik dalam Kaunseling

**Jadual 4** Bilangan Tenaga Akademik Mengikut Jawatan

| Jawatan | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Profesor | 10 | 6.71 |
| Profesor Madya | 19 | 12.75 |
| Pensyarah Kanan | 23 | 15.33 |
| Pensyarah | 81 | 54.00 |
| Tutor | 17 | 11.33 |
| JUMLAH | 150 | 100 |

Seramai 150 orang tenaga akademik pelbagai peringkat perjawatan dalam bidang kaunseling di Malaysia. Bidang kepakaran bagi setiap tenaga akademik dikepilkan dalam Lampiran D.

### 4.1.3 Pembangunan Sumber Manusia

Dalam agenda kerjasama antara IPT satu perkara yang boleh difikirkan bersama ialah program pembangunan diri ke arah peningkatan profesionalisme setiap pensyarah dalam bidang kaunseling. Bidang kaunseling adalah satu bidang yang amat mencabar dan sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan serta isu semasa di peringkat negara serta global. Oleh kerana itu seorang pensyarah dalam bidang ini perlu sentiasa peka dengan perkembangan dan cabaran semasa. Yang paling penting ialah pensyarah perlu tahu teknik serta strategi yang perlu digunakan apabila berhadapan dengan situasi-situasi yang berbeza. Ini hanya boleh dilakukan oleh mereka dengan sentiasa mengikuti bengkel, seminar, persidangan yang memberi peluang untuk mereka mempelajari kemahiran dan pengetahuan terkini dalam menangani situasi-situasi mencabar semasa.

## 4.2 Isu

4.2.1 Kurang peluang mengikuti bengkel/ kursus kemahiran kaunseling yang dianjur di dalam atau luar negara bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran. Dari segi kehadiran dalam bengkel dan persidangan, IPTA lebih memberi keutamaan kepada bengkel dan persidangan yang berbentuk akademik sedangkan tenaga pengajar bidang kaunseling lebih perlu mengikuti bengkel yang berbentuk kemahiran dan latihan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka.

4.2.2 Bagi membolehkan tenaga pengajar kaunseling mengajar dengan berkesan dia perlulah juga mengamalkan kaunseling supaya kemahirannya tidak hilang dan pengajarannya tidak semata-mata berpandukan kepada buku teks sahaja. Walau bagaimana pun pihak universiti tidak memberi pengikhtirafan kepada kerja klinikal yang dijalankan oleh kaunselor dan program "attachment" tidak digalakkan. Tiada pengikhtirafan IPT terhadap kerja / praktik /khidmat kaunseling, melemahkan semangat tenaga pengajar untuk menjalankan khidmat ini.

4.2.3 Tiada peluang untuk menambah pengalaman kaunseling di luar ruang lingkup universiti. Sehubungan dengan kepakaran dan kemahiran juga pensyarah kaunseling perlu sentiasa meningkatkan kemahiran melalui khidmat kaunseling yang diberikan dan peluang untuk menjalankan kaunseling di organisasi yang terkemuka.

4.2.4 Beban pengajaran dalam kalangan pensyarah kaunseling dilihat sebagai tidak begitu berat namun demikian pensyarah kaunseling mempunyai tanggungjawab dari segi penyeliaan tesis dan penyeliaan *internship*. Penyeliaan tesis diambil kira sebagai beban pengajaran tetapi beban penyeliaan *internship* tidak diambil kira sebagai beban tugas sedangkan tugas penyeliaan adalah sama penting untuk menyediakan kualiti pengajaran untuk pelajar dan seterusnya bergraduat.

## 4.3 Cadangan

### 4.3.1 Memberi Galakan Menghadiri Bengkel dan Persidangan

Pensyarah kaunseling perlu digalakkan untuk menghadiri bengkel dan persidangan yang berbentuk kemahiran di mana mereka akan berpeluang meningkatkan kemahiran dalam belbagai aspek dan jenis kaunseling yang dianjurkan di dalam atau di luar negara.

Pihak AKEPT (Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi) boleh menganjurkan bengkel dan persidangan seperti ini dengan menjemput pakar dari dalam dan luar negara. Selain dari itu para pensyarah perlu diberi ruang dan galakan untuk mengikuti pelbagai bengkel kemahiran kaunseling di dalam dan luar negara.

### 4.3.2 Pengiktirafan Universiti Terhadap Kerja-kerja Kaunseling.

Bidang kaunseling adalah satu bidang yang memerlukan pengetahuan serta kemahiran menjalankan/memberi kaunseling. Bagi seorang pensyarah kaunseling/pendidik kaunselor (Counselor Educator) selain daripada kajian dan penulisan adalah amat penting dia memahirkan dirinya dengan sentiasa mempraktikkan kaunseling. Perkhidmatan kaunseling yang dikendalikan oleh pensyarah ini akan membolehkan seorang pensyarah kaunseling sentiasa meningkatkan profesionalisme dalam bidang ini.

Perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat setempat ada diberi oleh pensyarah di beberapa IPT sebagai contoh: di UKM (melalui Unit Khidmat Psikologi & Kaunseling) dan di UPSI (melalui Pusat Kaunseling Komuniti). Adalah wajar khidmat kaunseling yang diberikan oleh pensyarah kaunseling ini diiktirafkan sepertimana pengiktirafan yang diberikan oleh pesyarah dalam bidang perubatan.

### 4.3.3 Peluang Sangkutan (attachment) kepada Organisasi Profesional Kaunseling

Memandangkan perlunya pensyarah kaunseling sentiasa peka kepada perkembangan semasa dari segi teknik, pendekatan dan strategi kaunseling maka pengalaman pensyarah perlu sentiasa dipertingkatkan. Cara yang terbaik melakukan perkara ini ialah dengan memberi peluang kepada para pensyarah bekerja dan belajar dengan pakar-pakar terkemuka di luar negara dan berada dalam persekitaran yang terbaik dalam bidang ini. Oleh itu pensyarah bidang kaunseling perlu diberi peluang serta digalakkan untuk menimba pengalaman di organisasi terkemuka seperti Hospital John Hopkins, Institute of William Glasser, NIDA (National Institute of Drug Dbuse) di USA dan lain-lain lagi. Dengan itu program sangkutan (attachment) perlu diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk para pensyarah kaunseling.

### 4.3.4 Beban penyeliaan *internship* perlu diambilkira oleh IPT sebagai beban pengajaran sebagaimana pengiraan dilakukan terhadap penyeliaan tesis.

Memandangkan kepentingan penyeliaan *internship* bagi menyediakan pelajar sebagai kaunselor profesional yang mampu berhadapan dengan pelbagai situasi yang mencabar, penyeliaan *internship* perlu diutamakan. Tanggungjawab pensyarah yang menyelia amat berat. Oleh itu penyeliaan *internshi*p perlu dikira oleh IPT sebagai beban pengajaran sebagaimana pengiraan yang dilakukan terhadap penyeliaan tesis.

## 5 KERJASAMA ANTARA IPT

### 5.1 Hubungan Antara IPT

Bagi kepentingan perkembangan bidang ini, pelajar dan pengamal kaunseling serta keefisyenan dan keberkesan sumbangan bidang dan pensyarah kaunseling kepada negara kerjasama antara IPT yang menawarkan program kaunseling amat diperlukan. Pada hari ini terdapat kerjasama antara pensyarah kaunseling di IPT secara tidak formal melalui saluran-

saluran seperti PERKAMA (Persatuan Kaunseling Malaysia). Satu bentuk kerjasama secara formal di antara IPT amat diperlukan untuk kepentingan penyelidikan, pengajaran, penerbitan, kemudahan pengajaran dan lain-lain lagi.

## 5.2 Isu

5.2.1 Pada hari ini negara berhadapan dengan banyak masalah sosial dan psikologi yang memerlukan pengurusan segera oleh pakar yang berkelayakan dalam bidang kaunseling dan psikologi. Kajian terperinci juga perlu dilakukan bagi pengurusan serta pencegahan jangka pendek dan panjang.

5.2.2 Dari segi kepakaran didapati tiada perimbangan kepakaran di antara satu IPT dengan yang lain. Misalnya sebuah IPT itu terkenal dengan satu kepakaran sementara IPT lain pula terkenal dengan bidang lain. Sementara itu juga dari segi pengalaman dan seniority pakar juga tiada perimbangan di mana di IPT yang telah mantap/"established" seperti UKM terdapat tiga orang profesor, USM seorang, UM seorang dan UPM seorang. Begitu juga di peringkat Profesor Madya tiada keseimbangan dari segi bilangan di antara IPT.

5.2.3 Boleh dikatakan kebanyakan IPT amat menekankan kepada penerbitan oleh para pensyarah.

5.2.4 Tinjauan yang dilakukan di IPT di dalam negara didapati tidak ada keseragaman dari segi kemudahan kaunseling umpamanya dari segi makmal kaunseling. Setengah IPT mempunyai lebih banyak dan lebih baik kemudahan fizikal berbanding dengan IPT yang lain.

5.2.5 Penyeliaan praktikum atau *internship* di "setting" yang berbeza-beza memerlukan banyak tenaga dan masa pensyarah kaunseling.

5.2.6 Tiada perkongsiaan kepakaran.

5.2.7 Tiada peluang untuk mobiliti pelajar.

## 5.3 Cadangan

### 5.3.1 Penyelidikan

Kerjasama serta persefahaman antara IPT diperlukan supaya satu ‘pool’ kepakaran boleh digunakan untuk tujuan kajilidikan tentang masalah sosial dan psikologi bagi dimanafaatkan oleh negara.

### 5.3.2 Pengajaran

Masalah tiada imbangan dari segi pegalaman/ “seniority” pengajar di antara sebuah IPT dengan yang lain boleh diatasi dengan kerjasama antara IPT. Kerjasama ini membolehkan kesemua IPT mendapat manafaat daripada kepakaran dan “seniority” yang ada di dalam negara.

### 5.3.3 Penerbitan

Kerjasama antara IPT akan membolehkan para pensyarah memanafaatkan kepakaran masing-masing, berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam menghasilkan penerbitan yang berkualiti tinggi dan bertaraf anatara bangsa demi meningkatkan mutu penerbitan dalam bidang kaunseling di negara ini.

### 5.3.4 Kemudahan Pembelajaran

Perkongisan di antara IPT akan memberi peluang penggunaan kemudahan oleh ramai pelajar. Pada masa yang sama pelajar boleh sama-sama mendapat manafaat pembelajaran  dan latihan di IPT yang mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang cukup dan terkini walaupun di IPTnya sendiri tiada kemudahan tersebut.

### 5.3.5 Penyeliaan Praktikum

Memandangkan program kaunseling kini ditawarkan di banyak IPT perkongsiaan antara IPT membolehkan penjimatan wang dan tenaga dalam urusan penyeliaan pelajar sebagai contoh pelajar UPSI yang menjalankan praktikum atau internship di Pulau Pinang boleh diseliakan oleh pensyarah kaunseling USM.

### 5.3.6 Perkongsian Kepakaran Profesor Pelawat

Kebiasaannya seorang profesor pelawat dijemput melawat sesebuah universiti atas kepakarannya dalam sesuatu bidang. Kepakaran profesor pelawat boleh dimanafaatkan oleh universiti-universiti lain dari segi penilaian program kaunseling dan pengendalian bengkel kemahiran untuk pelajar dan para pensyarah.

### 5.3.7 Mobiliti Pelajar

Memandangkan bahawa program kaunseling sudah ditawarkan di banyak IPTA walaupun terdapat keseragaman dari segi program mungkin terdapat kepelbagaian berdasarkan gaya pengajaran, penyampaian dan acuan IPT masing-masing. Oleh itu dengan adanya program mobiliti pelajar akan membolehkan kepelbagaian pengalaman pelajar di samping memberi nilai tambah kepada pembangunan kendiri pelajar.

## 6 KERJASAMA DENGAN INDUSTRI/ORGANISASI

### 6.1 Kerjasama Industri/Organisasi

Tiada kerjasama secara formal di antara IPT dengan pihak industri dan organisasi. Kerjasama antara kedua pihak amat baik untuk kepentingan kedua pihak. Industri/ organisasi boleh mendapat manafaat dari kepakaran di IPTA serta khidmat yang boleh diberikan oleh pelatih dan juga pengajar kaunseling. Pada masa yang sama hubungan ini memudahkan internship pelajar, kajian di industri/organisasi dan kajian pensyarah. Pendek kata hubungan di antara kedua pihak akan memberi kebaikan dan faedah untuk kedua belah pihak iaitu satu bentuk hubungan, 'menang-menang'.

### 6.2 Isu

6.2.1 Pertambahan IPT menawarkan program kaunseling di peringkat prasiswazah dan siswazah mengakibatkan peningkatan bilangan pelajar kaunseling. Masalah penempatan pelajar kaunseling untuk internship sering berlaku.

6.2.2 Pelajar luar negara berhadapan masalah menjalankan internship di dalam negara ini oleh kerana masalah bahasa dan budaya.

6.2.3 Pelajar kaunseling perlu lebih banyak pilihan tajuk untuk menjalankan kajian dalam bidang kaunseling.

6.2.4 Pensyarah kaunseling kurang peluang untuk menjalankan kajian berhubung masalah psikologi di dalam industri dan organisasi kerana kurang peluang yang diberikan oleh organisasi/industri dan kekangan kewangan.

6.2.5 Ada rungutan di kalangan kaunselor pelatih yang berhadapan masalah mendapatkan klien.

6.2.6 Organisasi/ Industri kurang menafaatkan kepakaran pensyarah kaunseling.

## 6.3 Cadangan

### 6.3.1 Memberi Peluang Untuk Kaunselor Pelatih Menjalankan *Internship*.

Universiti yang menawarkan bidang kaunseling boleh bekerjasama dengan pihak industri dalam menjalankan *internship* kaunseling. Penempatan *internship* kaunseling boleh dijalankan di institusi pendidikan seperti di pusat kaunseling universiti, unit bimbingan dan kaunseling sekolah, politeknik, kolej-kolej komuniti, pusat-pusat pendidikan khas dan pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu kaunselor pelatih juga boleh menjalankan internship di institusi pemulihan seperti di hospital, pusat-pusat serenti, rumah-rumah perlindungan dan pusat-pusat pemulihan akhlak dan juvana. Latihan *internship* juga boleh dilaksanakan di jabatan-jabatan kerajaan seperti di Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Kaunseling Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Kastam, Jabatan Penjara, Jabatan Agama, Majlis Agama dan sebagainya. Pelajar juga berpeluang menjalankan *internship* kaunseling di syarikat-syarikat swasta seperti di Proton, Samsung, Hitachi, Hicom, Telekom dan syarikat-syarikat ternama yang lain. Seterusnya, *internship* kaunseling boleh juga dijalankan bersama dengan NGO seperti PERKAMA, MAKNA, Befrienders, pusat-pusat komuniti setempat dan pusat-pusat persendirian berdaftar yang menjalankan perkhidmatan kaunseling secara berbayar.

Selain itu, *internship* kaunseling boleh dijalankan oleh pelajar luar negara di luar negara iaitu di negara asal mereka di organisasi dan industri yang menawarkan perkhidmatan kaunseling. Peluang untuk mereka menjalankan *internship* di negara sendiri adalah lebih baik dan lebih relevan bagi mereka memandangkan bahawa setelah tamat pengajian nanti mereka akan balik bertugas di negara masing-masing. Pada masa yang sama, masalah-masalah *internship* lain seperti bahasa dan budaya tidak timbul jika sekirannya mereka menjalankan *internship* di negara sendiri.

Terdapat pihak industri yang sangat berminat mendapatkan khidmat pelatih kaunseling dalam membantu mereka menjalankan perkhidmatan kaunseling di organisasi mereka. Secara tidak langsung ianya membantu pihak industri dalam meningkat modal insan dan produktiviti dalam pekerjaan. Oleh itu universiti boleh mengadakan MoU dengan pihak industri tertentu dalam menempatkan kaunselor pelatih mereka. Sesetengah industri memberi insentif dalam bentuk elaun kepada kaunselor pelatih yang menjalankan *internship* di tempat mereka. Hal ini akan menggalakkan lagi motivasi kaunselor pelatih dalam menyumbang sesuatu yang bermakna kepada organisasi industri tersebut.

Melalui usaha sama ini kaunselor pelatih mendapat manfaat yang besar daripada pihak organisasi di atas bimbingan organisasi tersebut. Manfaat ini akan lebih terkesan dengan adanya penyeliaan yang berkesan daripada pihak penyelia ke atas pelatih di organisasi industri tersebut.
Rumusannya, pihak universiti harus menyediakan penempatan *internship* yang sesuai kepada bakal kaunselor di organisasi/industri bagi membolehkan kaunselor yang dilahirkan adalah kaunselor yang berkesan

### 6.3.2 Kajian untuk Pelajar

Pelajar-pelajar kaunseling digalakkan membuat penyelidikan di bahagian industri/organisasi yang menawarkan kaunseling. Misalnya pelajar-pelajar kaunseling tahun akhir yang sedang merancang untuk menulis kertas projek boleh menjalankan kajian berkaitan psikologi kaunseling di industri/ organisasi itu. Pihak universiti boleh memberi kebebasan kepada pelajar untuk mencari kajian yang sesuai dengan bidang kaunseling dan pihak industri/ organisasi yang terbabit. Data-data kajian yang didapati boleh dikongsi

bersama dan sudah pasti memberi manfaat yang besar kepada organisasi atau industri berkenaan. Pihak industri/organisasi dapat menjimatkan kos pembangunan dan penyelidikan dalam menilai prestasi sumber manusia dan produktiviti modal insan melalui bantuan kajian pelajar-pelajar kaunseling di peringkat sarjana muda, sarjana mahu pun PhD.

### 6.3.3 Kajian untuk Pensyarah Kaunseling

Pensyarah-penyarah kaunseling juga boleh memohon geran daripada organisasi luar atau pun pihak industri dalam menjalankan tugas rutin mereka iaitu penyelidikan. Perkara ini selaras dengan dasar di Kementerian Pengajian Tinggi yang menggalakan pensyarah mendapat geran daripada pihak luar dan swasta untuk tujuan penyelidikan. Dalam hal ini pihak organisasi boleh menawarkan geran penyelidikan yang sewajarnya sebagai insentif kepada pensyarah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit di organisasi mereka. Tenaga sumber manusia di universiti dalam kalangan pensyarah-pensyarah kaunseling berupaya menjalankan kajian-kajian bersifat psikologi dan kaunseling dalam membantu organisasi terbabit.

Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan bersama dan mungkin mendatang impak yang besar dalam pembangunan sesebuah organisasi atau pun industri. Misalnya pensyarah-pensyarah kaunseling boleh menjalankan kajian di Syarikat Proton Sdn. Bhd. untuk mengesan kestabilan emosi dan motivasi mereka dalam pekerjaan. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberi impak yang besar kepada majikan dalam menguruskan sumber manusia di industri mereka.

Selain itu, mungkin kajian boleh dilaksanakan dalam membina instrumen yang berkaitan dengan pengukuran dalam kaunseling dengan Syarikat MIMOS Sdn. Bhd. Perkongsian kepakaran yang ada dalam kalangan kakitangan di MIMOS dapat menghasilkan satu instrumen yang baik dari segi keesahan dan kebolehpercayaannya. Oleh itu, MoU dan MoA harus dijalankan secara serius untuk membolehkan kajian yang dilaksanakan di pihak universiti dan pihak organisasi atau pun industri menjadi kenyataan.

### 6.3.4 Bersedia Merujuk Klien kepada Kaunselor Pelatih

Pihak universiti melalui kaunselor pelatih boleh menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pihak komuniti dan industri. Suatu *out reach* dan *road show* besar-besaran boleh dijalankan oleh kaunselor pelatih untuk mendapatkan klien daripada organisasi atau industri yang mereka dampingi. Pihak komuniti atau industri boleh memanfaatkan kepakaran kaunselor pelatih ini. Universiti harus terbuka dalam menerima klien yang dirujuk daripada pihak organisasi dan juga industri. Kaunselor pelatih boleh menggunakan pusat-pusat kaunseling atau klinik kaunseling di universiti mereka dalam membantu klien yang sukarela atau pun dirujuk oleh pihak industri.

Selain itu juga kaunselor pelatih boleh menjalan perkhidmatan kaunseling di tempat organisasi berkenaan sekiranya diminta berbuat demikian. Melalui cara ini kaunselor pelatih akan memperoleh kemahiran dan pengalaman dalam menjalankan sesi kaunseling bersama dengan klien mereka. Manakala, pihak organisasi akan mendapat manfaat daripada aspek kesejahteraan emosi pekerja mereka. Manfaat ini akan memberikan pengalaman yang bermakna kepada kedua-dua belah pihak.

### 6.3.5 Industri Memanfaatkan Kepakaran Pensyarah Kaunseling.

Pihak organisasi dan industri juga boleh memanfaatkan kepakaran pensyarah-pensyarah kaunseling di universiti. Kepakaran tersebut adalah seperti menjalankan kaunseling di organisasi mereka, membuat konsultasi kepada kakitangan syarikat, menyampaikan ceramah khusus berkaitan dengan kaunseling dan boleh dilibatkan dalam perancangan sumber manusia. Misalnya Syarikat Suruhanjaya Perkhidmatan Malaysia yang ingin mendapatkan khidmat syarahan daripada pensyarah kaunseling kepada kakitangan mereka, maka pensyarah berkenaan boleh memberikan syarahan yang bertajuk "Memahami perasaan, pemikiran dan tingkah laku manusia berdasarkan perspektif kaunseling". Dengan cara ini pihak organisasi boleh mendapat manfaat yang berguna daripada aspek pembangunan modal insan dalam organisasi mereka.

# 7 ISU DAN CABARAN DALAM PENGAMALAN KAUNSELING

## 7.1 Laluan Kerjaya dalam Kaunseling

Tidak banyak jawatan untuk kaunselor, sebagai contoh di Kementerian Kesihatan terdapat hanya 2 jawatan untuk gred 52 dan 11 jawatan untuk gred 48. Oleh itu pegawai yang terlibat perlu menunggu terlalu lama untuk kenaikan ke tahap yang lebih tinggi umpamanya daripada gred 48 ke gred 52 dan seterusnya. Pada masa yang sama pegawai kaunselor juga tidak mempunyai laluan kerjaya yang jelas. Perkara ini boleh memberi tekanan di samping kekecewaan kepada pegawai yang terlibat.

## 7.2 Pengalaman untuk Amalan Persendirian

Akhir-akhir ini sudah seperti permulaan satu *trend* bagi graduan kaunseling untuk menubuhkan syarikat amalan kaunseling persendirian setelah mendapat ijazah dalam bidang kaunseling. *Trend* ini adalah satu *trend* yang tidak baik kerana bagi seorang kaunselor memulakan amalan persendirian dia perlulah mempunyai cukup pengalaman kaunseling sekurang-kurangnya 5 tahun bekerja sebagai kaunselor di dalam organisasi/industri/jabatan kerajaan/swasta untuk memastikan mereka mempunyai cukup pengalaman sebelum berhadapan dengan pelbagai cabaran mengamal kaunseling secara persendirian.

## 7.3 Isu Peranan Guru Kaunseling dalam Pengajaran

Pada hakikatnya kaunselor pelajar di sekolah diperlukan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap kerja-kerja kaunseling dan bimbingan secara sepenuh masa. Akan tetapi dalam hal yang sebenar setengah kaunselor diminta oleh pihak sekolah untuk pengajaran di dalam bilik darjah oleh kerana masalah kekurangan guru di sekolah yang terlibat. Sungguh pun penglibatan dengan pelajar di dalam bilik darjah untuk keperluan 'out reach' adalah wajar, tetapi penglibatan kaunselor dengan pengajaran sehinggakan menjejaskan tugas-tugas kaunseling tidak harus berlaku.

## 7.4 Pengambilan Pelajar Melalui Saringan

Di setengah IPT selain syarat-syarat biasa (akademik) ditetapkan untuk kemasukan program kaunseling pengambilan pelajar juga disaring melalui temuduga. Akan tetapi banyak juga universiti mengambil jalan mudah dengan tidak mengadakan temuduga untuk memastikan kesesuaian calon ke program ini. Praktik temuduga dan ujian psikologi adalah amat diperlukan kerana ini akan dapat menentukan samaada seorang calon itu benar-benar sesuai untuk menjadi seorang kaunselor atau tidak dari segi personaliti, kematangan, dan juga kesihatan mentalnya.

## 7.5 Kemudahan Makmal Terhad (terdapat kekurangan)

Boleh dikatakan tidak ada keseragaman dari segi kemudahan makmal kaunseling di antara satu IPTA dengan yang lain. Ada IPTA yang mempunyai kemudahan yang sangat baik dan lengkap sementara yang lain pula sangat tidak mencukupi untuk memberi pengalaman praktikum dan amali yang baik dan berkesan bagi pelajar. Terdapat juga IPTA yang sudah lama dan terkemuka dalam bidang ini yang mempunyai kemudahan makmal yang agak ketinggalan zaman sementara ada IPTA yang mempunyai kelengkapan makmal yang terkini. Keperluan makmal ini amat penting kerana ini akan memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kaunseling di IPTA.

## 7.6 Makmal Pengujian Psikologi: Masalah Ruang dan Kewangan untuk Pembelian Instrumen

Dalam program pengajian kaunseling, kursus ujian dan pengukuran psikologi adalah merupakan kursus yang wajib dan penting. Oleh itu alat ujian psikologi seperti ujian personaliti, minat dan lain-lain lagi amat diperlukan. Pada masa yang sama makmal pengujian yang lengkap amat diperlukan. Hakikat yang sebenar ialah di banyak IPTA kemudahan ini tidak ada atau tidak lengkap.

### 7.7 Tiada Penyelarasan dan Pebincangan di antara Pihak KPT dengan Lembaga Kaunselor

Perbincangan yang lebih kerap perlu diadakan antara Lembaga Kaunselor dengan IPT yang menawarkan program kaunseling supaya jelas tentang keperluan lembaga dan keperluan KPT. MQA mempunyai ekpektasi sendiri sementara Lembaga Kaunselor mempunyai ekpektasinya juga. Oleh itu perlu ada perantaraan d antara lembaga dan KPT dan perlu ada pelarasan di antara kedua pihak. Pada masa yang sama tidak terdapat pelarasan di peringkat KPT dari segi bidang pengajian kaunseling.

## 8 KESIMPULAN

Laporan hala tuju kaunseling ini telah disediakan untuk menjelaskan status perlaksanaan dan perkembangan pendidikan bidang kaunseling peringkat pengajian prasiswazah dan pasca siswazah yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Terdapat 11 buah IPTA yang menawarkan program ijazah sarjana muda kaunseling dan daripada 11 buah IPTA, 10 buah IPTA menawarkan program pengajian peringkat pasca siswazah (sarjana dan kedoktoran). Graduan yang dihasilkan oleh semua IPTA ini kini berada di pasaran kerja di seluruh negara menyandang jawatan sebagai kaunselor di institusi pendidikan (sekolah rendah, menengah, matrikulasi, institusi latihan kemahiran, kolej universiti dan universiti), organisasi awam dan swasta serta organisasi-organisasi lain. Bidang kaunseling kini telah mendapat tempat di mata masyarakat akan keperluan dan kepentingannya. Oleh kerana perkembangan dan tuntutan semasa, bidang kaunseling kini juga menuntut kepada pengkhususan. Kajian hala tuju kaunseling jelas menunjukkan bahawa bidang kaunseling kini perlu kepada pengkhususan.

Laporan ini juga mengemukakan isu-isu yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhannya semua institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan program pengajian dalam bidang kaunseling ini mempunyai struktur dan rekabentuk kurikulum yang mantap dan memenuhi keperluan minimum piawai latihan sebagaimana yang disyaratkan oleh Lembaga Kaunselor bagi membolehkan bakal graduan

layak mendaftar sebagai pengamal kaunseling berlesen. Bagi program pasca siswazah pula, semua institusi pengajian tinggi awam juga mempunyai rekabentuk kurikulum yang setara antara satu dengan lain IPTA.

